

15/05/2001

Hari memperbaharui janji, ikrar guru

ESOK, kira-kira 300,000 guru di seluruh negara akan diraikan dalam sambutan Hari Guru 2001 Peringkat Kebangsaan. Ia akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Dewan Seri Negeri, Melaka. Wartawan Berita Harian, Syuhada Choo Abdullah, mewawancara Ketua Pengarah Pendidikan, Abdul Rafie Mahat, sempena hari bersejarah itu. Berita Harian (S): Apakah mesej yang ingin disampaikan melalui tema Hari Guru tahun ini, iaitu 'Memartabatkan Profesion Keguruan Tanggungjawab Bersama'?